

21/12/1997

Tindakan liar tidak selesai masalah

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, masalah ekonomi yang sedang dihadapi negara kerana kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham, tidak boleh diatasi dengan tindakan liar dan sentimen kemarahan.

Perdana Menteri berkata, tindakan buruk seperti itu hanya akan menyebabkan pertelingkahan dan perpecahan sesama sendiri, sekali gus merosakkan perpaduan yang sangat diperlukan bagi menangani saat-saat yang amat genting bagi negara pada masa ini.

"Saya yakin kalau kita sanggup mendisiplinkan dan kawal diri supaya tidak bertindak liar dan patuh kepada dasar-dasar dan prinsip perjuangan negara, insya-Allah kita akan dapat mengatasinya.

"Tapi kalau kita terbawa-bawa dengan sentimen kemarahan kepada keadaan dan kita menyalahkan kerajaan umpamanya atau kita menyalahkan mana-mana pihak, maka kita sesama kita akan bertelingkah dan ini secara langsung akan melumpuhkan kita," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata demikian di majlis perhimpunan pegawai dan kakitangan Kementerian Penerangan serta karyawan seni bagi melafazkan ikrar taat setia kepada kepimpinan Perdana Menteri di Angkasapuri di sini, semalam.

Perdana Menteri berada di Angkasapuri untuk merakamkan ucapan Selamat Tahun Baru dan melancarkan Radio 8, stesen radio terbaru di negara ini yang dikendalikan Jabatan Penerangan.

Dr Mahathir berkata, masalah yang sedang dihadapi negara hanya boleh diatasi dengan sikap berdisiplin dan ketaatan yang lebih tinggi daripada masa-masa lain, bukannya bantuan daripada orang luar.

Sambil memberi contoh tindakan wanita di Korea Selatan menderma barang kemas seberat satu tan bagi membantu memulihkan semula perniagaan kecil dan sederhana di negara itu, Perdana Menteri berkata, hanya semangat seperti itulah yang mampu memulihkan ekonomi negara.

"Ini membuktikan sikap tolong menolong adalah penting. Hari ini kita menolong orang lain, hari esok orang lain akan menolong kita.

"Inilah semangat yang dapat mematahkan usaha pihak lain untuk merosakkan pertumbuhan ekonomi kita, menjadikan kita miskin seperti dahulu dan kemudian mereka akan menjajah kita melalui penguasaan ekonomi," katanya.

Menurut Dr Mahathir, kegawatan ekonomi di Korea Selatan lebih buruk daripada Malaysia dengan mata wang negara itu jatuh lebih 100 peratus, tetapi rakyatnya jelas bersedia berkorban untuk membantu memulihkannya semula.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah menggubal perancangan untuk mengatasi masalah ekonomi negara, tetapi ia bukanlah dasar atau undang-undang kerana kejayaan pelaksanaannya bergantung kepada kerjasama setiap individu di negara ini.

Dalam hal ini, Perdana Menteri berkata, kakitangan kerajaan sudah pasti mempunyai tanggungjawab yang lebih bagi menjayakannya manakala rakyat lain pula hendaklah sentiasa berusaha memelihara perpaduan dengan cukup rapat.

"Inilah harapan kita semua dan saya berharap ikrar yang diberi akan menjamin kita semua akan tekun, bersatu semasa menghadapi masalah ini," katanya merujuk kepada ikrar yang dilafazkan kira-kira 700 pegawai dan kakitangan Kementerian Penerangan serta karyawan seni.

Pembacaan ikrar itu diketuai Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Datuk Zawawi Mahmuddin.

Pada majlis itu, semua yang hadir turut menyanyikan lagu 'Doktorku' kepada Dr Mahathir sempena hari ulang tahun kelahirannya ke-72. Lirikanya

dicipta Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat manakala lagu itu digubah oleh Pengarah Muzik RTM, Datuk Ahmad Dassilah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Suleiman Mohamed, Setiausaha Parlimen Datuk Shafie Apdal dan pegawai tinggi Kementerian Penerangan. - Bernama

(END)